



PERTANDINGAN KUTIPAN

Minyak Masak

TERPAKAI

Hadiah wang tunai,
Piala dan Sijil untuk
dimenangi

TARIKH
TUTUP PENYERTAAN
9 OGOS 2019



PENGENALAN

Pertandingan Kutipan Minyak Masak Terpakai ini dibentuk sebagai inisiatif ke arah penjagaan alam sekitar bagi komuniti di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Tujuan pelaksanaan pertandingan ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti dalam usaha untuk memelihara alam sekitar dari pencemaran minyak masak terpakai ke dalam sumber air dengan cara mengumpulkan minyak masak tersebut untuk dikitar semula menjadi biodiesel, lilin dan bahan pencuci.

Minyak masak terpakai bersifat hidrofobik, bertindak mengumpulkan bahan tercemar yang akhirnya mendap di dalam sedimen dan memberikan kesan buruk kepada kualiti air dan rantaian makanan.

KATEGORI ANUGERAH

Pertandingan Kutipan Minyak Masak Terpakai ini terbuka kepada **semua komuniti / persatuan penduduk / Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Kajang.** Hanya satu (1) penyertaan dibenarkan untuk satu komuniti / persatuan / MPKK.

OBJEKTIF ANUGERAH

- Mengiktiraf komuniti dan persatuan yang telah berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pengutipan minyak masak terpakai
- Mempromosikan konsep "Waste to Wealth" di mana komuniti boleh menjana pendapatan dari program ini untuk tabung persatuan selepas tamat pertandingan
- Memupuk kesedaran masyarakat dalam memelihara alam sekitar khususnya sumber air dari berlakunya pencemaran minyak

SELEPAS MENDAFTAR, IKUTI 3 LANGKAH MUDAH INI



SENARAI HADIAH

Pemenang dipilih berdasarkan jumlah berat kutipan minyak masak terpakai yang tertinggi direkodkan selama **tiga (3) bulan**.



Tempat Pertama

Wang Tunai RM 1500 + piala + sijil



Tempat Kedua

Wang Tunai RM 1000 + piala + sijil



Tempat Ketiga

Wang Tunai RM 800 + piala + sijil



Tempat Keempat

Wang Tunai RM 500 + piala + sijil



Tempat Kelima

Wang Tunai RM 300 + piala + sijil

GARIS MASA PENGANUGERAHAN

Tentatif penganugerahan ini merangkumi **empat (4)** tarikh utama seperti dibawah. Setiap peserta diingatkan untuk sentiasa peka akan perubahan maklumat dan tarikh yang dikeluarkan oleh pihak urusetia dari semasa ke semasa.

Tarikh tutup penghantaran penyertaan:
9 Ogos 2019 (Jumaat)

Tarikh mula penerimaan minyak masak:
12 Ogos 2019 (Isnin)

Tarikh akhir penerimaan minyak masak:
11 November 2019 (Isnin)

Tarikh penyampaian hadiah :
November 2019

PERTANYAAN DAN KHIDMAT NASIHAT :

- Cik Nurshazwani bt. Mohamad Osman
03-87337899 ext 4031
- Cik Umi Noor Aqila bt. Zakaria
03-87337899 ext 4023

KRITERIA PENILAIAN

Wakil Persatuan / Komuniti / MPKK yang bertanggungjawab mengumpul minyak masak terpakai perlu menghubungi dan menyerahkan minyak masak terpakai kepada agensi pengutipan yang dilantik oleh MPKK iaitu:

En Syahrul Azwa Idris,
Pengurus Operasi, Uni10 Energy Sdn. Bhd
BF-1-005, Kolej Kejuruteraan, Universiti Tenaga Nasional,
KM 7 Jalan Kajang-Puchong, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 012-2345514

Jumlah kutipan minyak masak terpakai akan **direkodkan dan dibayar** oleh agensi kutipan diatas kepada Wakil Persatuan / Komuniti / MPKK mengikut kadar bayaran semasa.

Minimum jumlah minyak masak terpakai yang akan dikutip adalah sebanyak **50 liter**.

BORANG PENYERTAAN

Lengkapkan borang dan hantarkan kepada pihak urusetia melalui alamat, faks atau email di bawah sebelum atau pada **9 Ogos 2019**. Segala penyerahan borang selepas dari tarikh diatas tidak akan diproses.

Alamat :

Pertandingan Kutipan Minyak Masak Terpakai 2019 MPKj,
Unit Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Tingkat 3A, Menara MPKj,
43000, Kajang Selangor.

Tel : 03-87337899 **Fax :** 03-87331260

Email : nurshazwaniosman@gmail.com
uminooraqila@gmail.com

Saya yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk mencalonkan Komuniti / Persatuan / MPKK:

Nama Wakil Komuniti / MPKK yang Bertanggungjawab (selain ketua persatuan / komuniti / MPKK):

No. Telefon : _____

(Tandatangan Ketua Persatuan / Komuniti / MPKK)

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Rasmi (sekiranya ada)

Tarikh : _____



"KAJANG BANDAR PILIHAN UNTUK DIDAMI"

BORANG PENYERTAAN BOLEH DIMUAT TURUN MELALUI LAMAN WEB www.mpkj.gov.my

